

Headline	Kempen Pemilikan Rumah diteruskan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	14	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	413 cm ²
Journalist	MOHD HAFIZ ISMAIL	AdValue	RM 8,756
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,268



Kempen Pemilikan Rumah diteruskan

Bagi tempoh enam bulan lagi sehingga 31 Disember 2019

MOHD HAFIZ ISMAIL

PUTRAJAYA

Kerajaan bersetuju meneruskan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) bagi tempoh enam bulan lagi iaitu sehingga 31 Disember ini bagi menggalakkan peningkatan jumlah pemilikan rumah rakyat Malaysia dan mencapai objektif mengurangkan bilangan rumah tidak terjual.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, Kementerian itu telah menerima permohonan daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin yang menyokong Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) untuk melanjutkan tempoh kempen tersebut.

Katanya kempen HOC menggabungkan insentif kerajaan dalam bentuk pengecualian duti setem dan insentif oleh pemaju perumahan yang memberikan diskaun harga pembelian sekurang-kurangnya 10 peratus.

"HOC telah mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai kerana insentif



GUAN ENG

pengecualian duti setem dan pemberian diskaun sebanyak 10 peratus dapat mengurangkan kos pemilikan rumah kediaman terutama bagi rakyat Malaysia yang belum pernah memiliki rumah," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

HOC telah diumumkan pada pembentangan Belanjaan 2019 dan dilaksanakan bermula 1 Januari sehingga 30 Jun 2019 merupakan satu bentuk kerjasama antara KPKT dengan Rehda.

Rehda bersama Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sabah (Shareda) dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (Sheda) telah terlibat sepenuhnya dalam kempen HOC dengan tujuan utama membantu rakyat Malaysia memiliki rumah

kediaman dengan harga dan kos lebih rendah.

Pada masa sama, ia dapat menangani isu hartanah tidak terjual.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, berdasarkan laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (Napic), bilangan kediaman tidak terjual di Malaysia telah meningkat kepada 32,313 unit bernilai RM19.86 bilion sehingga suku keempat 2018.

"Ia mencerminkan cabaran kemampuan pemilikan rumah yang berlanjutan dan ketidakpadanan antara permintaan serta penawaran rumah di pasaran.

"Berbanding dengan suku keempat 2017, ia peningkatan sebanyak 30.6 peratus dari segi bilangan kediaman yang tidak terjual dan sebanyak 27 peratus dari segi nilai kediaman ter-

Kempen HOC menggabungkan insentif kerajaan dalam bentuk pengecualian duti setem dan insentif oleh pemaju perumahan."

- Lim Guan Eng

sebut," katanya.

Menurutnya, selain insentif untuk HOC, kerajaan juga telah menyediakan insentif bagi pembelian rumah pertama tanpa mengira pembelian daripada pemaju perumahan atau *secondary market*.

"Harga rumah sehingga RM300,000, pengecualian duti setem bagi surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman. Tempoh pengcualiannya adalah bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020.

"Sementara itu, untuk harga rumah RM300,001 dan RM500,000, pengecualian duti setem bagi surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman (pengecualian terhad kepada RM300,000 pertama harga rumah tersebut). Tempoh pengcualiannya adalah bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020," katanya.